

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JANUARY 2017

Tindakan bekas PM mahu raih sokongan undi

BH - 24/1/2017

Alor Gajah: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang kerap membuat pusingan U dalam kenyataannya membuktikan bekas pemimpin itu tidak lagi boleh dipercayai.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata sikap Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu berdolak dalih semata-mata untuk menarik sokongan rakyat menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

“Pemikiran dia (Tun Mahathir) sudah tidak betul. Dia mahu bertanding PRU-14 akan datang, kalau parti dia bertanding dia (tahu) akan kalah.

“Saya percaya rakyat marah dengan dia. Dia kata Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagus sebab ta-

kut kalah pilihan raya, dia tidak ikhlas (dalam mengeluarkan kenyataan)... penipu besar,” katanya

Dr Mahathir dalam blognya *Che-det*, mendakwa MCA yang memohon jawatan Timbalan Perdana Menteri, bukan DAP seperti yang dinyatakannya sebelum itu.

Mohamed Nazri turut menepelak dakwaan bekas Perdana Menteri itu kononnya 700,000 warga China akan dibawa masuk ke Johor menerusi projek Forest City dan diberi kewarganegaraan.

“Itu saya kata, dia dah tak betul... dulu ketika jadi Perdana Menteri mengarahkan (Tan Sri) Rafidah Aziz (bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) ke luar negara bagi menarik pelabur antaranya Jepun,



Shahrizat Jalil

tetapi tidak ada pula Jepun bawa lari tanah kita,” katanya.

Bongkar agenda Kit Siang

Sementara itu, Ketua Wanita UMNO, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil, berkata pendedahan Dr Mahathir bahawa DAP menuntut jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan jika pembangkang menjadi kerajaan mengesahkan dakwaan bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim sebelum ini.

Katanya, pendedahan itu membongkar agenda dan matlamat sebenar Penasihat DAP, Lim Kit Siang iaitu DAP mengetuai Pakatan Harapan mahu mengambil alih kuasa politik Melayu di Putrajaya.

“Seperti yang dinyatakan sendiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib

Razak bahawa PRU-14 sebenarnya adalah pertandingan di antara UMNO dan DAP.

“Jika Barisan Nasional (BN) menang, UMNO akan terus mentadbir Putrajaya dan jika Pakatan Harapan menang, DAP pula akan mentadbir Putrajaya.

“Ternyata PRU-14 bukan medan untuk DAP mendahulukan rakyat tetapi hanya alat untuk mereka menguasai politik Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Tunku Aziz mendedahkan pakatan sulit melibatkan persetujuan untuk anak Dr Mahathir, Datuk Seri Mukhriz dijadikan Perdana Menteri dan Kit Siang sebagai timbalannya jika Pakatan Harapan memenangi PRU-14.